



**IKLAN JAWATAN KOSONG
PENOLONG PEGAWAI BELIA DAN SUKAN GRED S29
MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

Warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa untuk memohon jawatan **Penolong Pegawai Belia dan Sukan Gred S29** di Majlis Sukan Wilayah Persekutuan. Butiran terperinci mengenai jawatan ini ialah :

1. Jawatan/ Kumpulan/ Skim/ Perkhidmatan

- (a) Jawatan : Penolong Pegawai Belia dan Sukan Gred S29
- (b) Kementerian/ Jabatan : Majlis Sukan Wilayah Persekutuan
- (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Sosial
- (d) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (e) Kekosongan Jawatan : Satu (1) Kekosongan

- 2. Jadual Gaji Gred S29** : Minimum : RM 1,362.00
: Maksimum : RM 5,092.00

- 3. Kenaikan Gaji Tahunan** : RM 145.00

- 4. Taraf Jawatan** : Kontrak

- 5. Tempoh Lantikan** : 1 tahun

- 6. Penempatan** : Wilayah Persekutuan Putrajaya

7. Syarat Lantikan

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Kelayakan;
 - (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred S29: RM1,493.00); atau

- (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan pada Gred S29 : RM1,493.00)
- (iii) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi penganjian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan pada Gred S29 : RM1,770.95)

8. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

- (a) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- (b) Keutamaan :
 - (i) Calon yang mempunyai pengalaman dalam bidang Sains Sukan;
 - (ii) Calon yang mempunyai kelayakan Diploma Sains Sukan;
 - (iii) Calon yang berpengetahuan dalam pengurusan sukan dan kejurulatihan; dan
 - (iv) Bekas atlet Negeri atau Kebangsaan.

9. Deskripsi Tugas

Bertanggungjawab menguruskan dan melaksanakan program/projek berkaitan kegiatan belia dan sukan termasuk kerja-kerja menyelaras kegiatan-kegiatan berkenaan, memberi nasihat, bimbingan, kursus-kursus, membuat kajian keperluan sukan dan jenis-jenis sukan, merancang dan juga melaksanakan program di peringkat kawasan, negeri dan persekutuan.

10. Cara Memohon

- (a) Borang Permohonan boleh didapati daripada **Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, Aras 2, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya** dengan memuat turun dari laman sesawang : <http://www.wipers.gov.my>
- (b) Permohonan hendaklah disertakan dengan satu Salinan Sijil, Kad Pengenalan dan sekeping gambar berukuran pasport.

11. Tarikh Tutup Permohonan

Semua permohonan (termasuk permohonan melalui pos) hendaklah diterima oleh Majlis Sukan Wilayah Persekutuan selewat-lewatnya pada **30 Januari 2019**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

12. Alamat Penghantaran

Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat seperti di bawah :

Pengarah

Majlis Sukan Wilayah Persekutuan

Aras 2, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2,

62100 PUTRAJAYA

13. Panggilan Temu Duga

Hanya pemohon yang layak dan melepasi tapisan akan dipanggil temu duga bagi jawatan ini.

14. Perbelanjaan

Majlis Sukan Wilayah Persekutuan tidak akan bertanggungjawab ke atas semua perbelanjaan calon-calon yang akan menghadiri temu duga tersebut.

15. Keputusan

Hanya calon yang **berjaya** dalam urusan temu duga akan dimaklumkan.